



## Perangsang Selangor agih zakat

**SHAH ALAM** - Seramai 32 penerima terdiri daripada golongan asnaf fisabilillah, fakir dan miskin menerima sumbangan RM86,500 daripada **Kumpulan Perangsang Selangor Berhad** (Perangsang Selangor).

Ketua Pegawai Operasi Perangsang Selangor, Suzila Khairuddin berkata, bantuan itu bagi meringankan beban golongan asnaf selain menampung yuran pengajian pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan.

"Sumbangan ini membabitkan 19 penuntut universiti di dalam dan luar negara, 11 individu fakir dan miskin serta dua pertubuhan iaitu Akademi Tahfiz Mandarin Pulau Ketam dan Maahad Tahfiz Al-Fityan," katanya dalam kenyataan.

Salah seorang penerima, Harihati Arpan Molana berkata, beliau terpaksa bekerja sebagai pengasuh dan hanya memperoleh pendapatan RM600 sebulan untuk menyara keluarga.

Katanya, keadaan suami yang

terlantar sakit ekoran ketumbuhan otak sejak empat tahun lalu memaksa beliau bekerja keras untuk meneruskan kehidupan.

"Pada Disember 2016, kami sekali lagi menerima ujian apabila satu-satunya anak perempuan berusia 19 tahun disahkan menghidap kanser payudara tahap satu.

"Justeru, dengan adanya bantuan ini dapatlah saya menampung perbelanjaan sekolah lima orang anak dan kos rawatan perubatan," katanya.